

Nama Murid		Tahun	3
------------	--	-------	---

INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH

BIL 1 / 2015

Bahasa Melayu

Pemahaman

Mei 2015

50 minit

BAHASA MELAYU

Pemahaman

TAHUN 3

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat sebelah

Soalan 1 – 25

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Aiman mendapat tempat pertama dalam acara 100 meter.
_____ akan mewakili daerah Ledang.

A	Dia	B	Baginda
C	Beliau	D	Mereka

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Pak Musa mengusahakan ladang _____ seluas 2 ekar.
- | | | | |
|---|--------------|---|--------------|
| A | ikan haruan | B | sawah padi |
| C | burung murai | D | kelapa sawit |

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Sarah _____ televisyen sambil makan keropok di ruang tamu.
- | | | | |
|---|----------|---|---------|
| A | melihat | B | menjamu |
| C | menonton | D | melayan |

4. Encik Gopi dan anaknya sedang menggali tanah menggunakan _____.

A	parang	B	sabit
C	cangkul	D	pisau

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5. Pak Jabit _____ sebatang pokok menggunakan sebilah kapak yang tajam.

A	menebang	B	mencantas
C	memangkas	D	memotong

6. Ayah akan membawa kami sekeluarga _____ ke Pulau Sibu hujung tahun ini.

A	percutian	B	bercuti
C	dicutikan	D	mencuti

7. Setiap pagi, abang saya _____ motosikal ke tempat kerjanya di Shah Alam.

A	membawa	B	menunggang
C	mengayuh	D	memandu


8. Sudah satu jam Aidil menunggu Ikmal _____ kedai itu.
- | | |
|----------|--------|
| A di | B oleh |
| C kepada | D dari |
9. Tasya tidak dapat menjawab soalan-soalan peperiksaan yang agak _____ itu.
- | | |
|---------|----------|
| A sedih | B senang |
| C keras | D susah |

Soalan 10 berdasarkan gambar di bawah.




10. Guru besar sedang berucap. _____ mengingatkan murid-murid agar mematuhi peraturan sekolah.
- | | |
|----------|--------|
| A Mereka | B Dia |
| C Beliau | D Kami |
11. "_____ sungguh air kopi yang tidak bergula itu," kata ibu.
- | | |
|---------|---------|
| A kelat | B pahit |
| C masin | D manis |
12. "_____ tidak dibenarkan masuk ke bilik komputer tanpa kebenaran," kata Cikgu Asri.
- | | |
|---------------|---------------|
| A Orang-orang | B Murid-murid |
| C Pari-pari | D Anak-anak |

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13. Emak saya membeli satu _____ pisang rastali.
- | | |
|---------|----------|
| A sisir | B tandan |
| C biji | D buah |
14. Zurin _____ terbahak-bahak apabila mendengar cerita datuk.
- | | |
|------------|----------|
| A menangis | B ketawa |
| C berbual | D tidur |
15. Penduduk Kampung Sri Jaya membersihkan dan _____ sampah sarap di kawasan kampung mereka.
- | | |
|------------|------------|
| A dibakar | B terbakar |
| C membakar | D menbakar |
16. "Kamu pergi ke _____ semalam?" tanya Puan Haida kepada Azri.
- | | |
|--------|---------|
| A bila | B apa |
| C mana | D siapa |
17. "Tolong _____ buku-buku cikgu ke bilik guru," kata Puan Azizah kepada Azrin.
- | | |
|-----------|-----------|
| A dibawa | B bawakan |
| C bawalah | D membawa |

Soalan 18 berdasarkan gambar di bawah.



18. Ahli Pengakap sekolah _____ dengan tertib semasa perhimpunan.
- A berdua B bersenam
C bergaya D berbaris
19. _____ menunggu ayahnya tiba, Umie menyiapkan kerja sekolah di kantin.
- A Sambil B Selepas
C Sementara D Serta
20. Beberapa _____ daun gugur apabila ditiup angin.
- A helai B kuntum
C biji D buah
21. _____ Hussein dan isterinya mempunyai sepuluh orang cahaya mata.
- A Puan B Saudari
C Encik D Cik
22. "Hakimi, _____ kah kamu tidak datang ke sekolah semalam?" tanya Cikgu Saiful.
- A apa B bila
C di mana D mengapa

23. _____, besar sungguh rumah orang kaya itu!

- | | |
|-------|--------|
| A Oh | B Wah |
| C Cis | D Aduh |

Soalan 24 berdasarkan gambar di bawah.



24. Nurain _____ kaca sewaktu bertari di padang.

- | | |
|-----------|------------|
| A dipijak | B terpijak |
| C memijak | D berpijak |

25. Murid-murid Tahun 3 beratur di luar kelas. _____ hendak pergi ke makmal Sains.

- | | |
|----------|--------|
| A Kamu | B Kita |
| C Mereka | D Beta |

Soalan 26

Pilih **perkataan berlawanan erti** bagi perkataan yang bergaris.

26. Murid-murid Tahun 6 datang pada jam 10.00 pagi setiap hari.

- | | |
|---------|----------|
| A tiba | B sampai |
| C masuk | D pulang |

Soalan 27

Pilih **perkataan seerti** bagi perkataan yang bergaris.

27. Azma seorang murid yang baik hati dan ringan tulang.

- | | |
|---------|----------|
| A rajin | B cepat |
| C malas | D pandai |

Soalan 28

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan

28. Kemalangan itu berlaku petang semalam.

- A Bilakah kemalangan itu berlaku?
- B Mengapakah kemalangan itu berlaku?
- C Bagaimanakah kemalangan itu berlaku?
- D Siapakah yang terlibat dalam kemalangan itu?

Soalan 29

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan

29. Berapakah harga sekilo ikan kembung?

- A Ibu membawa RM10.00 untuk membeli ikan.
- B Ikan kembung itu sudah habis dijual.
- C Harga ikan kembung itu murah sahaja.
- D Sekilo ikan kembung berharga RM10.00

Soalan 30

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat di bawah.

30. Haziq menyiapkan kerja sekolah di dalam biliknya.

- A Kerja sekolahnya akan Haziq siapkan.
- B Di dalam bilik, Haziq menyiapkan kerja sekolahnya.
- C Di dalam biliknya Haziq membaca buku.
- D Kerja sekolah Haziq telah siap dalam bilik.

Soalan 31 – 35

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Penduduk Taman Harmoni mengadakan Hari Terbuka. Hari Terbuka itu diadakan pada hari Sabtu di kawasan padang dan balai raya.

Pada hari Jumaat, mereka bantu-membantu membersihkan kawasan balai raya. Kemudian, mereka mendirikan khemah di padang. Mereka bekerja secara sukarela dari pukul 9.00 pagi hingga 11.00 tengah hari.

Hari Terbuka bermula dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 5.00 petang. Pada hari itu, pelbagai aktiviti diadakan oleh pihak penganjur. Antara aktiviti yang diadakan termasuklah perlawanan futsal, menderma darah dan pameran keselamatan.

Hari Terbuka itu telah mendapat sambutan yang baik. Sikap bekerjasama yang ditunjukkan oleh penduduk dapat memupuk semangat perpaduan.

31. Apakah sambutan yang diadakan oleh penduduk Taman Harmoni?

A Sukaneka	B Hari Terbuka
C Pameran	D Gotong-royong

32. Bilakah mereka mula mendirikan khemah?

A Pukul 11.00 tengah hari	B Pukul 5.00 petang
C Pukul 8.00 pagi	D Pukul 9.00 pagi

33. Pada hari Jumaat, penduduk Taman Harmoni...

A menderma darah	B bermain futsal
C membersihkan balai raya	D mengadakan jamuan

34. Apakah aktiviti yang tidak dijalankan pada hari Sabtu?

- A Perlawanan futsal
- B Pameran
- C Menderma darah
- D Membersihkan dewan

35. Perkataan yang sama erti dengan bantu-membantu ialah...

- A beri-memberi
- B tolong-menolong
- C tarik-menarik
- D sayang-menyayang

Soalan 36 – 40

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- Mei Mei : Aduh, sakitnya perut saya!
- Kakak : Mengapa Mei Mei?
- Mei Mei : Perut saya berasa sakit, kakak.
- Kakak : Mari kakak sapukan minyak. Nanti kakak beritahu ibu.
Apa yang kamu makan semalam, Mei Mei?
- Mei Mei : Petang semalam saya beli air daripada penjaja di tepi jalan. Selepas latihan bola baling semalam, saya berasa sangat haus. Kawan-kawan mengajak saya membeli air di situ. Sampai sahaja di rumah, perut saya sakit.
- Kakak : Mungkin kamu keracunan makanan. Itulah, sudah beberapa kali ayah berpesan, jangan beli makanan dan minuman yang dijual di tepi jalan. Tempat-tempat begitu biasanya tidak bersih.
- Mei Mei : Maafkan saya, kakak. Saya menyesal kerana tidak mendengar pesanan ayah.
- Kakak : Ingat, jangan ulangi kesilapan yang sama. Mulai hari esok, kamu bawa sahaja makanan yang disediakan oleh ibu. Kebersihannya terjamin dan kita juga boleh berjimat cermat.
- Mei Mei : Baiklah, kakak.
- Kakak : Sudahlah. Mari kakak bawa kamu ke klinik.

36. Apakah yang berlaku kepada Mei Mei?
- A Sakit perut B Sakit kepala
C Sakit tekak D Muntah-muntah
37. Ayah Mei Mei selalu berpesan supaya dia...
- A membawa bekal ke sekolah
B berjimat cermat
C tidak membeli makanan di tepi jalan
D mencuci tangan sebelum makan
38. Siapakah yang hendak membawa Mei Mei ke klinik?
- A Ayahnya B Rakan-rakannya
C Ibunya D Kakaknya
39. Mengapakah Mei-Mei meminta maaf kepada kakaknya?
- A Dia tidak membawa bekal ke sekolah
B Dia tidak mendengar pesan ayahnya
C Dia selalu boros berbelanja
D Dia tidak mahu pergi ke klinik
40. Kakak Mei Mei seorang yang...
- A penyayang
B garang
C pemalas
D rajin

KERTAS SOALAN TAMAT